



PARA
peserta Larian
Ikrar Derma Organ
(LIDO) 2016 UTHM
dilepaskan oleh Dr.
Mohd. Noh Dalimin,
baru-baru ini.

Kempen kesedaran derma organ



MEMILIH isu kesedaran derma organ sebagai subjek utama, Kolej Kediaman Perwira Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) tampil menunaikan peranannya sebagai ejen pengubah masyarakat dengan menganjurkan Larian Ikrar Derma Organ (LIDO) 2016 yang berlangsung pada 24 September lalu.

LIDO 2016 yang telah dilancarkan dan mendapat sokongan penuh oleh Naib Canselor UTHM, **Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin** menyaksikan penglibatan hampir 454 peserta yang terdiri dalam kalangan warga UTHM serta masyarakat sekitar.

Menerusi larian ini, setiap peserta menyumbang RM1 sehingga berjaya mengumpul RM500 dan disumbangkan terus kepada Persatuan Kebajikan Pesakit-pesakit Hemodialisis Darul Takwa Batu Pahat.

Jumlah sumbangan tersebut disampaikan oleh Naib Canselor kepada Pengerusinya, Hasan Habidin Timin.

Dalam ucapan pelancarannya, Mohd Noh menzahirkan sokongan penuh beliau terhadap aktiviti ini serta mengucapkan tahniah atas daya usaha mengangkat isu kesedaran derma organ, memandangkan Malaysia juga adalah antara negara terendah kadar pengikrar derma organ.

LIDO 2016 yang dijalankan bersempena Festival Kasih 2016 merupakan manifestasi warga Kolej Perwira terhadap isu-isu kesihatan, keselamatan, kebajikan dan kemasyarakatan yang juga bertujuan memperkukuh semarak kasih sayang antara masyarakat yang semakin terhakis kesan sikap mementingkan diri sendiri yang semakin menebal.

Selain daripada LIDO 2016, pelbagai aktiviti lain juga berjaya dilaksanakan antaranya menyaksikan seramai 164 pelajar berikrar sebagai penderma organ menerusi Kempen Kesedaran Derma Organ dan 139 pain darah berjaya didermakan menerusi Jom Derma Darah dengan kedua-dua aktiviti ini adalah dengan kerjasama Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI), Batu Pahat.